

23 JUL 1996

Mahathir-Perundangan

RUNDINGAN PERLU DALAM PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM, KATA PM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mereka yang diamanahkan untuk mentafsir undang-undang Islam tidak harus bertindak sendirian tanpa berunding kerana pentadbiran undang-undang Islam merupakan satu perkara yang serius.

Katanya adalah perlu bagi mereka yang `alim' (pakar) dalam perkara-perkara bukan agama juga dirundingi.

"Pastinya dari segi prosedur mereka yang benar-benar berkelayakan harus diketengahkan," katanya semasa merasmikan seminar antarabangsa mengenai Pentadbiran Undang-undang Islam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim).

Hanya apabila pelbagai pakar ditemui dan dirundingi undang-undang Islam boleh ditadbir bagi memastikan keadilan, katanya.

Kira-kira 200 orang terdiri daripada hakim, peguam, pengamal undang-undang, ahli akademik, ahli politik dan pelajar termasuk dari negara-negara Asean menghadiri seminar dua hari itu.

Sambil memetik beberapa ayat Al-Quran, Dr Mahathir berkata undang-undang Islam harus terutamanya benar-benar saksama dan adil.

"Pegangan fanatik terhadap penggubalan undang-undang oleh ulamak Islam terdahulu hanya wajar jika ia untuk keadilan bukannya keadilan yang tersembunyi tetapi jelas dan benar-benar adil," katanya.

"Jika undang-undang ini menghasilkan ketidakadilan yang jelas maka ia perlu dikaji semula. Pengkaji semula itu perlulah merujuk Al-Quran dan Hadith yang sahih."

Katanya umat Islam modern harus bersedia mentafsir semula Al-Quran dan Hadith walaupun para ulamak terdahulu pada hakikatnya bersedia mentafsir dan membuat fatwa mereka sendiri.

"Hanya apabila Islam ditafsirkan bersesuaian dengan dunia yang jauh bezanya daripada keadaannya 1,400 tahun lepas, Islam boleh dianggap sebuah agama bagi semua peringkat umur," katanya.

Adalah penting untuk dimaklumi bahawa Islam menerima keadaan yang mempengaruhi pelaksanaan undang-undang dan keadilan, katanya.

"Perubahan di zaman modern yang telah menghasilkan tanggapan mengenai apa yang membentuk keadilan dalam jenayah-jenayah baru dan masalah sosial baru tidak harus diketepikan," katanya.

Tentunya, menurut beliau pada zaman modern jenayah-jenayah baru dilakukan- jenayah perdagangan, jenayah berkaitan dadah, pengedaran dan penyalahgunaan, gambaran yang salah dalam media cetak dan elektronik serta pelbagai cara sofistikated penyalahgunaan kuasa- yang tidak disebut secara khusus dalam Al-Quran dan Hadith.

"Undang-undang haruslah digubal untuk mentadbir jenayah-jenayah baru ini. Apa yang paling penting mengenai undang-undang sedemikian ialah ia sekurang-kurangnya sesuai dengan semangat dan nilai-nilai yang meresapi pentadbiran keadilan Islam seperti perkara-perkara yang dijelaskan dalam Al-Quran," katanya.

Ketika menjawab pertanyaan seorang peserta semasa dialog yang menyusul, Perdana Menteri berkata persoalan tentang keras atau tidak hukuman terhadap mereka yang melakukan jenayah yang dibawa ke Mahkamah Syariah bergantung kepada tanggapan.

Dalam hubungan itu, katanya, persoalan demikian perlu dibincangkan dalam seminar seperti itu.

"Seperti yang saya katakan, kita harus mengambilkira keadaan, kita

tidak harus menekankan bahawa dalam Islam undang-undang mestilah keras," katanya menghuraikan kandungan ucapannya.

"Kalau kita ingin mengenakan hukuman, ianya hendaklah adil, bukan keras ataupun tidak keras kerana yang diutamakan dalam Islam ialah keadilan.

"Kebanyakan kita agak salah mencampur-adukkan keadilan dengan kekerasan, seolah-olah kalau hukum itu keras maka ia adil...tak semestinya," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata dalam Islam, umatnya disuruh supaya bertimbangrasa dan sanggup memaafkan orang yang membuat salah. -- BERNAMA

AZZ RAZ RON